

17 JUN, 2026

Isu pelarian jangan lagi dibayangi simpati, ihsan



Berita Harian, Malaysia

Isu pelarian jangan lagi dibayangi simpati, ihsan



Oleh Dr Mafuzah Mohamad
bhrencana@bh.com.my

Malaysia sudah lama menjadi antara negara tumpuan bagi pelarian Rohingya yang melarikan diri daripada konflik, tekanan dan penindasan di Myanmar.

Berlandaskan prinsip kemanusiaan, negara ini menyediakan ruang perlindungan sementara kepada mereka yang mencari kehidupan lebih selamat, teratur dan bermaruah.

Krisis Rohingya tercetus akibat penindasan sistematis dan pembersihan etnik dilakukan junta tentera Myanmar. Penindasan ini memuncak melalui siri operasi ketenteraan disifatkan pelbagai pihak antarabangsa sebagai kekejaman paling serius terhadap etnik minoriti, sehingga memaksa lebih sejuta etnik Rohingya melarikan diri dari wilayah Rakhine demi menyelamatkan nyawa.

Isu ini berlarutan dan berkembang menjadi krisis kemanusiaan global atas beberapa faktor utama antaranya penafian kewarganegaraan apabila etnik Rohingya tidak diiktiraf sebagai salah satu kumpulan etnik rasmi Myanmar di bawah Undang-Undang Kewarganegaraan Myanmar.

Akibatnya, mereka dianggap pendatang asing tanpa izin (PATI) di tanah air sendiri dan dinafikan pelbagai hak yang sepatutnya dinikmati sebagai warganegara.

Mereka turut berdepan pencabulan hak asasi manusia seperti dinafikan akses kepada pendidikan, pekerjaan dan perkhidmatan asas, akhirnya mencetuskan krisis pelarian antarabangsa termasuk di Malaysia.

Selepas bertahun-tahun, isu berkaitan Rohingya tidak lagi boleh dinilai melalui lensa simpati dan kemanusiaan semata-mata. Pertambahan komuniti pelarian ini menimbulkan pelbagai cabaran perlu diurus berhati-hati, tegas dan tersusun.

Malaysia tidak mengiktiraf secara rasmi status 'pelarian' kerana negara ini bukan pihak meratifikasi Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Oleh itu, di bawah undang-undang imigresen tempatan, pelarian dan pencari suaka diklasifikasikan sebagai PATI.

Bagaimanapun, Malaysia mengambil pendekatan berasaskan ihsan dan kemanusiaan dengan membenarkan pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) tinggal sementara di negara ini sementara menunggu proses penempatan semula ke negara ketiga atau penyelesaian lain yang sesuai.

Kerajaan turut memperkenalkan Dokumen Pendaftaran Pelarian (DPP) sebagai salah satu mekanisme untuk merekod, memantau dan memadamkan pelarian dengan sektor pekerjaan tertentu yang dibenarkan dari semasa ke semasa.

Bagaimanapun, DPP tidak memberikan hak kewarganegaraan, hak bermastautin atau kebenaran untuk tinggal secara kekal di Malaysia.

Perbincangan mengenai Rohingya pada masa kini semakin berkait rapat dengan keupayaan negara mengawal kehadiran warga asing, keberkesanan pelaksanaan undang-undang serta implikasinya terhadap ekonomi, sosial dan keselamatan masyarakat tempatan.

Isu yang pada awalnya dilihat sebagai persoalan kemanusiaan kini berkembang menjadi isu dasar awam lebih rumit dan menyeluruh. Antara perkara kerap menjadi perhatian ialah kewujudan penempatan komuniti Rohingya di beberapa kawasan bandar semakin meluas.

Di sesetengah tempat, mereka membentuk jaringan sosial dan ekonomi sendiri bagi meneruskan kelangsungan hidup. Walaupun kebanyakan mereka berdepan batasan dari segi status undang-undang dan peluang pekerjaan rasmi, realitinya sebahagian daripada mereka terlibat dalam kegiatan ekonomi untuk menyara keluarga.

Kawasan sekitar Jalan Selayang Baru di Gombak sering dikaitkan sebagai antara lokasi tumpuan penempatan dan aktiviti ekonomi warga Rohingya serta warga asing lain. Namun, sebahagian komuniti terlibat mula berhijrah ke negeri utara bagi mencari peluang pekerjaan dan penempatan baharu.

Keadaan ini menimbulkan beberapa persoalan berkaitan pematuan undang-undang, lesen perniagaan, penggunaan proksi serta persaingan dengan peniaga tempatan. Sekiranya perkara ini tidak dipantau dengan baik, ia boleh menimbulkan rasa tidak puas hati masyarakat setempat dan melemahkan keyakinan orang awam terhadap keberkesanan sistem penguatkuasaan.

Kontroversi dicipta etnik cetus perdebatan
Baru-baru ini, isu pembinaan penempatan haram berskala besar menyerupai blok flat oleh komuniti Rohingya di Sungai Tekali, Hulu Langat. Isu itu

“Isu Rohingya hari ini berada di antara pertimbangan kemanusiaan dan tuntutan realiti semasa. Malaysia mempunyai tanggungjawab kemanusiaan wajar dihormati, pada masa sama, kepentingan rakyat, kedaulatan undang-undang serta keharmonian sosial negara tidak boleh diketepikan”

mencetuskan perdebatan hangat dalam kalangan masyarakat mengenai tahap penguatkuasaan undang-undang dan pencerobohan tanah, termasuk soal tadbir urus dan pemantauan kawasan sensitif.

Satu lagi kontroversi mendapat perhatian meluas ialah video tular dimuat naik seorang lelaki etnik Rohingya menuntut hak sama rata di Malaysia.

Kenyataan paling mencetuskan perdebatan ialah apabila beliau secara terbuka menyebut, 'beri kami Selayang pun sudah cukup, Selayang tempat Rohingya, orang Melayu jangan kacau'.

Ramai melihatnya sebagai tuntutan tidak selari dengan kedudukan sebenar pelarian dan pencari suaka di Malaysia, memandangkan mereka tidak mempunyai hak kewarganegaraan atau menuntut wilayah dan penempatan tetap di negara ini.

Pada masa sama, kerajaan berdepan tekanan berterusan masyarakat menuntut penyelesaian lebih tuntas, termasuk gesaan supaya pelarian Rohingya dihantar pulang ke negara asal atau ditempatkan semula di negara ketiga.

Namun, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail menjelaskan Malaysia tidak boleh sesuka hati mengusir pelarian Rohingya kerana ia membabitkan pertimbangan kemanusiaan, keselamatan dan tanggungjawab antarabangsa.

Sehubungan itu, antara persoalan utama sering dibangkitkan rakyat ialah sejauh mana tindakan penguatkuasaan terhadap pelarian dan pendatang tanpa izin dilaksanakan secara konsisten. Masyarakat ingin melihat undang-undang dikuatkuasakan secara berterusan, bukan hanya melalui tindakan bermusim.

Isu Rohingya hari ini berada di antara pertimbangan kemanusiaan dan tuntutan realiti semasa. Malaysia mempunyai tanggungjawab kemanusiaan wajar dihormati, pada masa sama, kepentingan rakyat, kedaulatan undang-undang serta keharmonian sosial negara tidak boleh diketepikan.

Insiden di Selayang, kontroversi video tular menuntut hak sama rata dan penempatan tetap, dakwaan penempatan haram berskala besar di Sungai Tekali serta perdebatan tercetus menerusi petisyen dan kempen berkaitan Rohingya menunjukkan isu ini semakin kompleks dan sensitif.

Justeru, penyelesaian mampan memerlukan pendekatan tegas, berperikemanusiaan dan disokong kerjasama semua pihak bagi memastikan kepentingan negara serta maruah insan terus terpelihara.



Kehadiran warga asing khususnya etnik Rohingya yang bebas berniaga di kaki lima premis di Selayang mencetuskan rasa tidak puas hati masyarakat setempat. (Foto fail NSTP)